

## → KOMEN

# Jun Hoong inspirasi buat Harimau Malaya

## Ultras



### Suara kami

bhsukan@bh.com.my

**M**alaysia kini boleh berbangga dengan muncul antara kuasa besar acara terjun di dunia.

Ramai penerjun kita berjaya membawa balik pingat dalam setiap pertandingan besar seperti Sukan Olimpik dan Kejohanan Akuatik Dunia sejak beberapa tahun yang lepas.

Walau bagaimanapun, penguasaan mutlak penerjun kita hanya pada peringkat serantau khususnya dalam Sukan SEA.

Malaysia sering kali menyapu bersih semua pingat emas yang dipertandingkan dalam acara terjun peringkat Asia Tenggara.

Penerjun kelas dunia kita nyata tiada tandingan pada peringkat Sukan SEA namun kita sering gagal meraih emas pada peringkat Asia dan Dunia kerana sering kecundang kepada kepakaran penerjun dari China.

Penerjun dari China secara tradisi, baik lelaki mahupun wanita menguasai acara terjun dalam setiap kategori. Ini membuatkan atlet harapan kita seperti Pandelega Rinong, Leong Mun Yee, Bryan Nickson Lomas dan Ooi Tze Liang hanya mampu menggapai pingat perak atau gangsa dalam pertandingan



**Jun Hoong (kiri) dan Pandelega** harum nama Malaysia di pentas dunia.

peringkat tertinggi.

Penantian Malaysia selama beberapa tahun untuk kilauan emas berakhir dengan kejayaan Cheong Jun Hoong yang kembali daripada kecederaan tulang belakang beberapa bulan lepas, mengejutkan jutaan pengikut sukan terjun dengan menjadi Juara Dunia bagi acara 10m platform.

Kejayaan luar biasa Jun

Hoong berjaya menembusi kekebalan Tembok Besar China dalam acara ini selama lebih sedekad dan pada usia agak lewat iaitu 27 tahun, harus dijadikan sumber inspirasi bahawa tiada yang mustahil untuk atlet Malaysia merangkul kejuaraan dunia.

### Ikut jejak juara

Anak jati Batu Gajah, Perak itu

turut merangkul pingat gangsa dalam acara terjun seirama 10m platform bergandingan dengan Pandelega.

Pasangan ini sudah mencipta sejarah dengan menghadiahkan kilauan perak kepada kontingen Olimpik Malaysia di Rio, Brazil tahun lepas.

Jun Hoong membuktikan kepada atlet negara bahawa tidak mustahil untuk mereka menjadi juara olimpik atau dunia selepas berjaya meruntuhkan penguasaan China yang sering kali mendominasi kedudukan 1-2 dalam pertandingan besar dunia.

Semoga kejayaan bersejarah Jun Hoong akan merangsangkan semangat atlet negara untuk mengikut jejak langkah beliau. Sasaran yang sebenar bukanlah pada peringkat Sukan SEA tapi lebih kepada kejohanan dunia.

Tahniah diucapkan kepada Persatuan Renang Amatir Malaysia dan semua jurulatih terjun negara kerana telah melahirkan ramai penerjun dan perenang berkelas dunia.

Terima kasih, Jun Hoong kerana anda membuktikan bahawa tidak mustahil untuk skuad Harimau Malaya layak ke Piala Dunia satu hari nanti.